

Tiada keperluan gubal akta

Undang-undang mengenai status halal Jakim sudah mencukupi

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PARIT BUNTAR

Tiada keperluan untuk kerajaan menggubal akta baharu melarang penggunaan tulisan Jawi pada produk bukan Islam bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengguna beragama Islam negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujaheed Yusof berkata, pihaknya sedia maklum akan gesaan Dewan Pembangunan Perniagaan Usa-

hawan Malaysia (MCED) itu setelah ia diangkat sebagai resolusi dicapai menerusi persidangan di Kuala Lumpur kelmarin.

"Apa yang saya faham, maksud pertubuhan itu ialah tulisan Jawi lebih kepada merujuk logo halal dikeluarkan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) bagi mengelakkan pengguna beragama Islam tertipu dengan status halal sesuatu produk.

"Tindakan mana-mana syarikat menyalahgunakan atau menipu label halal dikeluarkan Jakim adalah salah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Perintah Perihal Daganan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975.

TULISAN JAWI PADA PRODUK BUKAN ISLAM



Dr Maamor (dua dari kiri) menunjukkan logo halal yang menggunakan bahasa lain pada sidang media di Kuala Lumpur kelmarin.

naan tulisan Jawi pada pembungkusan produk bukan Islam.

Presidennya, Datuk Nazilah Idris berkata, tulisan Jawi disalah guna akan mengelirukan pengguna kepada status halal sesuatu produk.

Sementara itu, pada masa sama, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) kelmarin turut mencadangkan kepada Jakim supaya mengeluarkan sijil halal dalam tulisan mengikut bangsa pemilih produk.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Maamor Osman berkata, ia berikutan beberapa pihak yang enggan menerima tulisan tersebut.



MUJAHID

"Saya berpendapat tiada keperluan satu akta baharu digubal kerana undang-undang sedia ada sudah mencukupi bagi menangani sebarang penyalahgunaan logo halal Jakim pada masa hadapan," katanya kepada media

pada majlis pelancaran Program Rahmah Peringkat Negeri Perak di Masjid Ubudiah di sini semalam.

Kelmarin, MCED menggesa kerajaan membawa akta khas ke Parlimen bagi melarang penggu-